

19 JUL 2003

MINYAK SAWIT-UKRAINE/I

PELABUHAN ODESSA PINTU MASUK MINYAK SAWIT MENEMBUSI KAWASAN BALTIC

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Lebih banyak minyak sawit Malaysia berpotensi menembusi Ukraine dan kawasan jirannya termasuk Negara-negara Komanwel Merdeka (CIS) dapat diperluaskan lagi jika dieksport melalui bandaraya pelabuhan Ukraine, Odessa.

Pelabuhan Laut Hitam mempunyai potensi yang sangat luas menjadi pusat pengedaran minyak sawit Malaysia, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, hari ini.

Dr Lim berkata, pelabuhan Laut Hitam, yang terletak di selatan ibu negara Ukraine, Kiev, boleh digunakan sebagai pusat pengedaran bukan sahaja untuk Ukraine, tetapi merangkumi negara jirannya yang kebanyakannya tidak mempunyai pelabuhan laut.

Ukraine, terletak di bahagian tenggara Eropah Tengah, adalah negara Eropah timur terbesar selepas Rusia, dengan meliputi kawasan lebih 600,000 km persegi.

Ia bersempadankan Laut Hitam, Belarus, Hungari, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovekia.

Dr Lim berkata, pelabuhan itu boleh dimajukan untuk menampung kira-kira 400,000 tonne hingga 500,000 tonne minyak sawit pada masa hadapan.

Kini, Ukraine, yang terletak di kedudukan strategik di persimpangan Eropah dan Asia, mengimport kira-kira 100,000 tonne minyak sawit.

"Saya rasa potensinya besar. Kita boleh menggunakan pelabuhan Odessa sebagai pusat pengedaran," Dr Lim, yang juga Presiden Gerakan, berkata sedemikian selepas melancarkan Akademi SATU di ibu pejabat parti itu di Menara PGRM di sini hari ini.

Dr Lim menemani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke bekas republik Soviet itu dari 13-16 Julai.

Dr Lim berkata, Dr Mahathir berpeluang melawat dan melihat lebih dekat lagi pelabuhan Odessa dan ketika di sana telah turut melawat kemudahan penyimpanan.

"Saya rasa pelabuhan Odessa ialah pelabuhan strategik, pelabuhan yang besar dan dalam. (Ia) boleh menempatkan kapal besar," katanya.

Dr Lim berkata, di masa lepas, Malaysia memikirkan mendapatkan satu tempat sesuai sebagai pusat pengedaran minyak sawit ke CIS dan negara berjiran dan Bandar Abbas di Iran dan Istanbul di Turkey adalah antara tempat yang dipertimbangkan.

Katanya, Malaysia menawarkan AS\$10 juta (RM38 juta) dalam bentuk aturan pembayaran kredit minyak sawit (POCPA) kepada pengimport Ukraine dan ini akan meningkatkan import minyak sawit Malaysia oleh Ukraine.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Lim berkata, Kazahkztan turut diberi AS\$10 juta (RM38 juta) di bawah POCPA.

"Yang lain (negara CIS), kami akan menimbangkan mengikut kes," katanya.

Hubungan diplomatik diwujudkan antara Kuala Lumpur dan Kiev dalam Mac 1991.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara tahun lepas ialah hanya AS\$83.1 juta (RM315 juta). -- BERNAMA

RV MR AHM